



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغِيرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِحْطِيَّةُ الْجُمُعَةِ

## **KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA**

**14 SYAWAL 1447H/ 3 APRIL 2026M**

### **“KAYA DUNIA, MUFLIS AKHIRAT”**

*Disediakan oleh:*

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR  
code ini jika ada  
sebarang cadangan  
penambahbaikan.  
Sekian, terima kasih

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ بَاقٍ وَلَنَجْزِيَنَّ الَّذِينَ صَبَرُوا أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا  
كَانُوا يَعْمَلُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Terlebih dahulu khatib menyeru marilah bertakwa kepada Allah SWT dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya, kerana ketakwaan itulah merupakan bekal satu-satunya yang paling berharga untuk di bawa ke negeri akhirat. Pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama memberikan tumpuan kepada khutbah yang akan dibaca. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh menghapuskan pahala ibadah kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan sepenuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Pada hari ini, mimbar akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“Kaya Dunia, Mufliis Akhirat.”**

## **JAMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT,**

Kini kita sudah berada pada minggu kedua Hari Raya Aidilfitri, pintu kemaafan masih terbuka luas untuk kita memperbaiki hubungan. Dalam pergaulan hidup seharian sudah tentu berlaku kesilapan sama ada disengajakan atau tidak. Kesilapan itu boleh mengundang dosa terutama jika menyentuh pelanggaran hak yang berkaitan dengan tubuh, maruah diri dan harta benda orang lain. Apabila kesalahan berkaitan dengan manusia, maka wajib bagi kita meminta maaf dan mengembalikan haknya. Jika kita tidak sempat memohon kemaafan semasa hidup di dunia ini, maka dosa-dosa itu akan dibayar dengan pahala-pahala di akhirat, kerana itulah pahala kita ini akan berkurangan sehingga kita miskin di akhirat kelak. Jika kita miskin di dunia masih ada lagi orang yang bersimpati dan dapat membantu kita. Tetapi bagaimana pula hal keadaan kita apabila miskin di akhirat? Daripada Abu Hurairah radiallahuanhu, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud**: *“Tahukah kalian siapakah yang disebut dengan orang yang muflis?” Para sahabat menjawab; “Orang yang muflis menurut kami wahai Rasulullah, adalah orang yang tidak punya dirham dan dinar serta harta benda.” Baginda bersabda: “Seorang muflis daripada kalangan umatku ialah seorang yang datang pada Hari Kiamat dengan pahala solat, puasa dan zakat, namun (pada masa yang sama) dia juga membawa dosa mencaci maki, menuduh, serta memakan harta orang lain serta membunuh dan menyakiti orang lain. Setelah itu diberikan kepadanya sebahagian daripada pahala-pahala kebajikannya dan diberikan kepada orang itu pula sebahagian pahalanya, hinggalah akhirnya habis pahalanya namun belum lagi terbayar dosa-dosa yang tertanggung atasnya, lalu diambil sebahagian dosa-dosa mereka tadi untuk dibebankan ke atasnya hingga akhirnya dia dihumban ke dalam neraka (kerana banyak dosa).” (Riwayat Muslim)*

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT**

Sebagai seorang Islam kita seharusnya bijak melayarkan bahtera kehidupan ke arah yang benar mengikut petunjuk yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Hadis. Dalam menuju ke destinasi akhirat maka hendaklah kita mencari dan mengumpul seberapa banyak bekalan pahala kebajikan dan kebaikan semasa hidup di dunia.

Hati yang dipenuhi keikhlasan, ketakwaan serta sifat kasih sayang akan melahirkan amal yang baik seperti solat, sedekah, membantu sesama manusia dan menjaga akhlak. Inilah bekalan sebenar yang akan menyelamatkan seseorang di akhirat kelak, kerana apabila manusia berdiri di hadapan Allah SWT, bukan harta dan rupa yang dibawa, tetapi hati yang bersih serta amal soleh yang menjadi penentu kebahagiaan yang kekal di akhirat. Daripada Abu Hurairah radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ.

**Maksudnya:** "Sesungguhnya Allah SWT tidak melihat kepada rupa dan harta kamu, akan tetapi Allah SWT melihat kepada hati dan amalan kamu." (Riwayat Muslim)

## **MUSLIMIN YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,**

Pada suatu hari di Mekah, para pemimpin Quraisy berasa sangat bimbang dengan dakwah Nabi Muhammad SAW yang mengajak manusia menyembah Allah SWT dan meninggalkan penyembahan berhala. Lalu mereka menghantar Utbah bin Rabi'ah untuk berunding dengan Baginda SAW. Utbah menawarkan pelbagai perkara sebagai balasan jika Nabi

SAW berhenti menyampaikan dakwah Islamiyah. Dia berkata, jika Nabi SAW menginginkan harta, mereka akan mengumpulkan kekayaan sehingga Baginda SAW menjadi orang paling kaya, jika menginginkan pangkat, mereka akan menjadikan Baginda SAW pemimpin mereka, jika menginginkan kerajaan, mereka akan melantik Baginda SAW sebagai raja, bahkan jika Baginda SAW menginginkan wanita, mereka sanggup menikahkan Baginda SAW dengan wanita yang paling cantik. Adakah Rasullulah SAW menerima atau memilih salah satu daripada tawaran tersebut? Jawabannya tidak, Baginda SAW dengan tegas menolak semua tawaran tersebut dan tetap berpegang teguh untuk menyampaikan wahyu Allah SWT meski berhadapan dengan tentangan dan tekanan.

Kisah ini menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW tidak pernah dipengaruhi oleh harta, wanita atau kekuasaan dunia, kerana tujuan utama Baginda SAW hanyalah menyampaikan kebenaran dan risalah Allah SWT kepada manusia. Seorang mukmin hendaklah meletakkan agama dan kebenaran di atas segala kepentingan dunia, serta tidak mudah tergoda dengan kemewahan atau kedudukan yang boleh menjejaskan prinsip iman.

### **MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT**

Allah SWT menegaskan bahawa apa yang berada di sisi-Nya akan kekal, iaitu pahala amal soleh, kebaikan kepada manusia, sedekah, keikhlasan dan akhlak yang mulia. Seseorang mungkin kelihatan berjaya dan kaya di dunia, tetapi jika kekayaan itu tidak digunakan pada jalan Allah SWT, bahkan disertai dengan kezaliman, fitnah dan mengambil hak orang lain, maka segala kemewahan tersebut tidak mempunyai nilai di sisi Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nahl, ayat 96:

مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ بَاقٍ وَلَنَجْزِيَنَّهُ الَّذِينَ صَبَرُوا أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا  
كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

**Maksudnya:** “(Sebenarnya) apa yang ada pada kamu akan habis dan hilang lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal; dan sesungguhnya Kami membalas orang-orang sabar dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan.”

### **JAMA'AH JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Melihat realiti kehidupan hari ini, kita melihat manusia ada yang tekun beribadah, tetapi pada masa yang sama tidak menjaga hubungan sesama manusia. Ada yang rajin solat tetapi suka mengumpat, ada yang berpuasa tetapi gemar memfitnah, dan ada juga yang bersedekah tetapi masih menzalimi orang lain. Maka jadilah mereka manusia yang kaya amal di dunia tetapi muflis di akhirat kerana pahala mereka habis dibayar kepada orang yang dizalimi. Di dunia manusia boleh kelihatan kaya dengan harta dan kuasa, namun di akhirat kelak ukuran sebenar bukanlah kemewahan atau kedudukan, tetapi iman dan amal soleh. Oleh itu, Allah SWT mengingatkan manusia tentang Hari Penyesalan, agar kita tidak tergolong dalam kalangan mereka yang hidup lalai di dunia, tetapi akhirnya menjadi muflis di akhirat. Firman Allah SWT dalam surah Maryam, ayat 39:

وَأَنْذِرْهُمْ يَوْمَ الْحَسْرَةِ إِذْ قُضِيَ الْأَمْرُ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ وَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٩﴾

**Maksudnya:** “Dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada umat manusia seluruhnya tentang hari penyesalan, iaitu hari diselesaikan perbicaraan perkara masing-masing pada masa mereka (yang ingkar) di dunia ini berada dalam kelalaian serta mereka pula tidak mahu beriman.”

Menyimpul khutbah pada minggu ini:

**Pertama: Dunia adalah tempat beramal, bukan tempat balasan.**

Kehidupan di dunia hanyalah medan ujian bagi manusia untuk melakukan amal soleh, ibadah dan kebaikan.

**Kedua: Manusia mesti sedar daripada kelalaian sebelum datang hari**

**penghakiman.** Ramai manusia menjadi lalai kerana terlalu sibuk mengejar kesenangan dunia seperti harta, pangkat dan kemewahan.

**Ketiga: Dakwah Nabi Muhammad SAW ialah memberi peringatan**

**tentang kehidupan akhirat.** Baginda SAW menyeru manusia supaya beriman kepada Allah SWT, melakukan amal soleh serta menjauhi kezaliman dan maksiat agar manusia tidak tergolong dalam kalangan mereka yang menyesal dan muflis di akhirat kelak.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,**

Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Jabatan Audit Negara kali ke-120, mimbar ingin mengingatkan sidang jamaah sekalian akan peranan besar institusi ini dalam memastikan tadbir urus kewangan negara dilaksanakan secara telus, cekap dan berintegriti. Marilah kita bersama-sama menyokong usaha murni Jabatan Audit Negara dalam menjunjung amanah sebagai mata dan hati rakyat yang sentiasa memantau setiap urusan pengurusan serta perbelanjaan awam. Sesungguhnya amanah yang dipikul ini bukan sahaja menuntut kecekapan dalam pelaksanaan tugas, bahkan memerlukan kejujuran, ketegasan dan keberanian dalam melaporkan sebarang bentuk penyelewengan tanpa rasa takut atau pilih kasih. Kita hendaklah sentiasa insaf bahawa harta negara adalah milik rakyat yang wajib dipelihara dengan sebaik-baiknya. Janganlah kita tergolong dalam kalangan mereka yang kaya di dunia, tetapi muflis di akhirat akibat menyalahgunakan amanah serta mengkhianati kepercayaan yang telah diberikan. Setiap pihak hendaklah berganding bahu dalam menyokong segala inisiatif penambahbaikan yang dilaksanakan demi memperkukuh nilai integriti dan akauntabiliti. Dengan komitmen dan kesedaran bersama, kita mampu membina sistem pentadbiran yang lebih telus, cekap dan berwibawa, seterusnya menjamin masa depan negara yang gemilang dan sejahtera untuk generasi akan datang.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,**

Kita masih berada di dalam bulan Syawal yang mulia, kita maklum bahawa pihak berwajib juga telah menjalankan amanah demi kesejahteraan rakyat. Justeru, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan prasarana jalan raya berada dalam keadaan baik, selamat dan selesa untuk digunakan. Bersempena Sambutan Hari Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia ke-80 tahun 2026, mimbar ingin mengajak sidang jamaah sekalian untuk menghayati kepentingan keselamatan jalan raya serta menunaikan tanggungjawab

sebagai pengguna yang berhemah. Sebagai pengguna jalan raya kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan. Ingatlah, undang-undang jalan raya bukanlah untuk menyusahkan, tetapi bertujuan melindungi nyawa serta mengelakkan kemalangan. Sikap cuai, tergesa-gesa dan mementingkan diri boleh membawa kepada musibah yang tidak diingini. Semoga setiap perjalanan kehidupan kita sentiasa berada dalam lindungan Allah SWT, dan menjadikan kita sebagai hamba yang bukan sahaja kaya di dunia bahkan kaya di akhirat dengan keredaan-Nya.

وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْطِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**Disediakan dan diedarkan oleh:**

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**Nota:**

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.  
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

**Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:**

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com